



**Ucapan Perasmian Yang Berhormat Datuk Seri Dr. S. Subramaniam  
Menteri Sumber Manusia**

**SEMPENA ANUGERAH CEMERLANG KESELAMATAN DAN  
KESIHATAN PEKERJAAN KEBANGSAAN 2011**

Tarikh : 30 Oktober 2012

Masa : 8.00 malam

Tempat : PUSAT KONVENTSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA  
(PICC)

Anjuran : Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia,

### **PENGHARGAAN**

1. Pada malam ini, saya terlebih dahulu mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak pengajur, khususnya kepada Yang Berhormat Senator Dato' Maznah Mazlan selaku Penggerusi Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) kerana sudi menjemput saya untuk menyempurnakan majlis yang penuh bermakna pada malam ini.
2. Saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan pada malam yang gemilang ini. Saya pasti kehadiran anda semua akan menyemarakkan lagi semangat perpaduan dan kerjasama erat tripartisme antara kerajaan, majikan dan pekerja bagi memastikan tempat kerja adalah selamat dan sihat tanpa risiko kepada pekerja. Itulah harapan saya.
3. Saya turut berasa bangga kerana berpeluang untuk bersama-sama dengan para hadirin yang saya hormati sekalian terutamanya kepada para pemenang anugerah di Majlis Penyampaian Anugerah Cemerlang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan 2012.

### **ANUGERAH KKP, MAJLIS & OSH MS**

Hadirin yang saya hormati sekalian,

4. Anugerah Cemerlang ini merupakan satu anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) yang terunggul di Malaysia. Pemenang-pemenang dipilih melalui proses saringan dan audit berperingkat yang dijalankan oleh para juruaudit yang terlatih daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP). Sebanyak 20 elemen keselamatan dan kesihatan pekerjaan akan dinilai oleh juruaudit semasa proses audit ini berlangsung.
5. Saya juga dimaklumkan bahawa Sistem Pengurusan KKP merupakan elemen paling penting yang diambil kira di dalam proses audit. Keberkesanan perlaksanaan Sistem Pengurusan KKP di tempat kerja telah dikenalpasti sebagai penyumbang utama kepada kecemerlangan prestasi KKP di organisasi-organisasi yang diiktiraf cemerlang dari perspektif keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
6. Saya ingin melihat Garispanduan yang telah dilancarkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Maznah Mazlan pada tahun lepas iaitu 'Guideline on Occupational Safety and Health Management System' difahami dan dipraktikkan dalam membantu organisasi-organisasi bagi mewujudkan, melaksanakan dan menambahbaik aspek pengurusan KKP di tempat kerja masing-masing. Pihak Kerajaan amat berharap agar organisasi-organisasi terutamanya daripada Industri Kecil dan Sederhana (IKS) untuk mengambil peluang menggunakan pakai sepenuhnya serta merujuk garispanduan yang disediakan ini bagi memulakan langkah pertama di dalam mengadakan satu sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan yang berkesan di tempat kerja.
7. Sementara itu, bagi organisasi-organisasi yang telah melaksanakan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan, garispanduan ini juga boleh digunakan

untuk menambahbaikkan perlaksanaan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan yang sedia ada diamalkan.

### **OSH MP 15**

Hadirin yang saya hormati sekalian,

8. Sejajar dengan kestabilan dan pengukuhan Malaysia sebagai penyumbang ekonomi serantau dan juga komuniti ekonomi dunia, Malaysia tidak terkecuali dari menghadapi cabaran-cabaran di dalam aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Di dalam usaha kerajaan menangani isu-isu berkaitan KKP ini, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah membangunkan Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan atau *Occupational Safety and Health Master Plan* 2011-2015 atau lebih dikenali sebagai OSH-MP 15. Pelan Induk ini telah dilancarkan oleh YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak sempena hari pekerja tahun 2009. Pelan yang telah dibangunkan dengan kerjasama rakan sosial KKP adalah bertujuan bagi meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan komitmen KKP di kalangan ‘stakeholder’ untuk mengurangkan kes-kes kemalangan industri, penyakit pekerjaan dan keracunan di tempat kerja di semua sektor ekonomi. Sehubungan itu, saya meminta komitmen daripada semua pihak bagi menjayakan pelan tersebut.
  
9. Saya berharap pelan yang sedia ada bersifat '*flexible*' dan dapat mengambil kira perubahan eco-sistem dan dasar-dasar baru kerajaan yang sentiasa dinamik demi kebaikan dan kesejahteraan rakyat Malaysia, terutamanya golongan pekerja. Mengambil contoh inisiatif *Economy Transformation Program* (ETP), saya ingin meminta agar Majlis Negara, JKKP, PERKESO dan NIOSH memastikan bahawa sektor-sektor ekonomi yang telah dikenalpasti mampu bergerak untuk mencapai

objektif dengan mengambil kira keselamatan dan kesihatan golongan pekerja. Kita tidak ingin melihat kepakaran yang dimiliki oleh pekerja mahir hilang akibat kemalangan semasa berkerja. Pada saya, kerugian sebegini akan menjelaskan pertumbuhan ekonomi negara.

### **KADAR KEMALANGAN TEMPAT KERJA**

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

10. Kadar kemalangan tempat kerja di Malaysia bagi setiap 1,000 orang pekerja pada tahun 2011 ialah 3.40 berbanding kadar kemalangan tahun 2004 iaitu 5.84. Ini jelas membuktikan membuktikan kejayaan kepada usaha-usaha berterusan yang dijalankan oleh kerajaan bersama-sama dengan majikan dan pekerja. Angka ini menunjukkan penurunan kadar kemalangan yang berterusan sejak tahun 2004. Walaubagaimanapun, saya meminta supaya usaha-usaha untuk mengurangkan kadar kemalangan ini akan dipertingkatkan lagi agar kadar kemalangan di Malaysia setanding dengan negara-negara maju yang lain. Kerajaan amat komited di dalam memastikan penurunan kadar kemalangan dan penyakit pekerjaan sebanyak 30% (2.60 per 1,000 pekerja) sejajar dengan matlamat OSH-MP 15 yang telah ditetapkan menjelang 2015.
11. Pelbagai program dilaksanakan di peringkat nasional ke arah menjayakan matlamat ini, antaranya program meningkatkan tahap pematuhan undang-undang KKP, penguatkuasaan secara berkesan, promosi, kesedaran dan pelbagai lagi program berasaskan KKP.
12. Bagi menangani isu-isu KKP yang semakin mencabar dengan lahirnya pelbagai *hazard* baru pekerjaan dewasa ini, Kerajaan sentiasa bersifat inovatif dan dinamik

bagi memastikan kehadiran *hazard* baru pekerjaan ini dapat dikenalpasti dan dikawal, sekaligus meminimumkan risiko kepada rakyat. Dengan adanya usaha-usaha berterusan ini, matlamat negara ke arah ‘Budaya Kerja Selamat dan Sihat’ dapat dicapai.

13. Saya juga ingin melihat lebih banyak ruang diberikan kepada pekerja untuk memberi pendapat dan sumbangan kepada usaha meningkatkan tahap KKP di tempat kerja. Ini termasuk memberi lebih banyak peluang untuk memperolehi maklumat tentang KKP. Selain dari kewajipan majikan memberi latihan kepada pekerja, saya berharap majikan juga menyediakan inisiatif baru supaya para pekerja dapat duduk bersama-sama menyumbang kepada agenda pembangunan organisasi selamat dan sihat, tanpa sebarang kemalangan industri.

#### ANUGERAH & PENAMBAHBAIKAN

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

14. Saya percaya berbagai perubahan telah dibuat bagi mencemerlangkan lagi Anugerah Cemerlang KKP Kebangsaan ini. Penambahbaikan perlu dibuat bagi merangsang tempat-tempat kerja untuk bertanding disamping menjalankan penambahbaikan kepada situasi keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja masing-masing.
15. Saya berharap suasana untuk bersaing dan mengadakan penambahbaikan berterusan dapat dihidupkan. Ruang-ruang perlu diwujudkan bagi memberi rangsangan kepada majikan dan pekerja agar melihat kepada keselamatan dan kesihatan pekerjaan sebagai sesuatu yang memberikan manfaat dan bukan sesuatu yang membebangkan.

Sekiranya perubahan persepsi minda ini dapat di atasi dan perjalanan untuk mencapai matlamat dapat dipermudahkan, maka matlamat untuk membudayakan keselamatan dan kesihatan pekerjaan akan tercapai.

### **PENUTUP**

16. Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih dan syabas kepada Jawatankuasa Penganjur Majlis Anugerah ini serta sekretariat Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, kerana telah bertungkus lumus untuk menjayakan program ini. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih dan syabas kepada semua pemenang dan saya berharap agar kejayaan ini dapat dilangsungkan lagi di masa hadapan dan turut dapat diikuti oleh industri yang lain.
17. Kepada organisasi yang turut sama terlibat, saya berharap agar usaha bagi mempertingkatkan lagi tahap pengamalan aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja masing-masing dapat diteruskan. Saya berharap dengan adanya Anugerah Cemerlang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan seperti ini, ianya akan dapat memberi semangat kepada semua untuk meneruskan lagi usaha mencegah kemalangan dan seterusnya membudayakan Kerja Selamat dan Sihat dalam organisasi masing-masing.

Sekian, terima kasih.